

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



KETUA Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim (dua dari kiri) ketika mengadakan sidang akhbar mendedahkan dua modus operandi baharu yang digunakan sindiket perjudian di Kuala Lumpur pada 8 November lalu. - UTUSAN/GHAZALI BASRI

Perangi judi dalam talian

SYABAS dan tahniah di atas kejayaan pasukan khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sehingga kini dilaporkan sudah menahan 11 dalang judi haram sejak pasukan khas ini ditubuhkan pada 27 September lalu. Terkini, enam dalang judi diberkas pasukan khas ini di Selangor. Ini dengan jelas membuktikan komitmen tinggi pihak polis terutama Ketua Polis Negara baharu, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

Trend terkini menunjukkan judi *online* ataupun judi dalam talian mula mengambil alih tempat premis judi seperti sebelum ini. Dalam hal ini *tablet* dan telefon pintar menjadi senjata utama sindiket judi ini dalam memastikan operasi mereka terus berkembang dan mengaburi mata pihak berkuasa.

Polis Kuala Lumpur misalnya baru-baru ini mendedahkan berjaya mengenal pasti dua modus operandi utama digunakan sindiket ini iaitu menjadikan kedai makanan sebagai lokasi berkumpul dan melalui pautan aplikasi di telefon pintar. Di kedai makan, pelanggan akan bermain judi secara dalam kumpulan dengan maksimum enam orang menggunakan perkhidmatan jalur lebar (Wifi) di premis berkenaan. Penjaga kedai makan pula menjadi mata-mata yang akan mengagihkan *tablet* kepada pemain. Setiap kumpulan pula akan dikawal oleh seorang penjaga yang berperanan sebagai penyelia untuk memasukkan kredit ke dalam *tablet*.

Dalam hal ini sindiket juga didapati mengupah kumpulan gadis lawa sebagai ejen judi *online* yang aktif mempromosikan judi melalui laman sosial seperti Facebook."

Modus operandi kedua adalah melalui pautan pada aplikasi di telefon pintar di mana pengendali judi dalam talian akan memberikan satu pautan yang memerlukan pemain memuat turun aplikasi menggunakan telefon pintar milik pemain. Pemain kemudiannya boleh menggunakan data internet dari telefon pintar untuk bermain dengan pengendali akan membekalkan nama pengguna dan kata laluan bagi membolehkan pemain membuka aplikasi tersebut.

Dalam hal ini sindiket juga didapati mengupah kumpulan gadis lawa sebagai ejen judi *online* yang aktif mempromosikan judi melalui laman sosial seperti Facebook. Modus operandi terbaharu ini dikatakan lebih selamat dan mampu menarik lebih ramai kaki judi baharu untuk berjinak dengan aktiviti haram ini berikutan ia mudah disebarkan melalui pelbagai platform laman sosial.

Untuk rekod, statistik tangkapan sindiket judi dalam talian di Kuala Lumpur menerusi Operasi Dadu (Op Dadu) menunjukkan seramai 56 individu berjaya diberkas merangkumi penjaga dan pembantu kedai makan, pemain serta penonton yang berusia dalam lingkungan 20 hingga 65 tahun. Ia turut membabitkan rampasan wang tunai RM8,178 serta pelbagai barangan lain seperti *tablet*, telefon, modem Wifi dan *router*.

Jelas, tugas pihak berkuasa untuk membanteras dalang judi ini semakin mencabar apabila sindiket judi mula mengubah taktik operasi mereka. Namun kita percaya pihak polis lebih bijak dan mampu menghidu segala operasi dan tindakan licik mereka. Kita sangat berharap agar operasi judi di negara ini dapat diperangi habis-habisan kerana ia mengundang pelbagai kesan buruk kepada masyarakat.

Judi dalam talian misalnya bukan saja merosakkan golongan dewasa malah belia dan remaja juga terjebak kerana mereka boleh bermain dalam talian dari pelbagai lokasi yang mereka mahu termasuk dari rumah tanpa pengetahuan ibu bapa. Sogokan dan umpan keuntungan wang tunai pasti mudah mampu mempengaruhi dan menarik minat serta perhatian. Ini pastinya akan menghancurkan masa depan belia kita kerana judi boleh menyebabkan ketagihan sehingga lupa soal pelajaran mahupun pekerjaan.

Judi juga boleh menjerumuskan seseorang itu ke tahap berhutang yang serius termasuk meminjam dari ceti haram atau ah long. Hal ini kerana kemenangan besar dijanjikan akan mendorong kita mencari jalan pintas untuk mendapatkan modal pertaruhan dengan meminjam dari ceti haram mahupun mana-mana institusi kewangan berkaitan. Bayangkan bila kalah judi apa akan jadi pada segala hutang tersebut?

Institusi kewangan boleh mengheret kita ke mahkamah sehingga diisytihar muflis manakala ceti haram pula pastinya akan mula mengancam keselamatan diri dan keluarga dengan kadar faedah tinggi.

Malah judi juga boleh memporak perandakan rumahtangga dan keluarga dari pelbagai sudut. Judi boleh mencetuskan pergaduhan dalam kalangan suami isteri sehingga membawa kepada perceraian. Judi juga boleh menyebabkan keluarga menjadi huru-hara dan anak-anak menjadi mangsa keadaan. Malah, keganasan rumahtangga dan jenayah dalam kalangan anggota keluarga juga akan terus meningkat akibat daripada judi.

Ahli keluarga juga perlu berani melaporkan kepada pihak berkuasa jika mendapati ada ahli keluarga yang terbabit dengan judi haram. Tindakan menyembunyikan kegiatan ini bukan saja tidak akan membantu malah akan mengeruhkan lagi keadaan.

Jadi kita harap inisiatif pihak polis dengan kerjasama masyarakat mampu membantu memerangi aktiviti judi haram di negara ini sepenuhnya. Sekali lagi syabas dan tahniah di atas usaha dan kejayaan PDRM semoga operasi pasukan khas ini akan terus membuahkan kejayaan.